



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.4 (1)
Tarikh : **19** Julai 2022
Bersamaan : **19** Zulhijjah 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**PEMURNIAN DATA AKAUN PUKAL DI iGFMS DAN SISTEM AGENSI PUKAL
OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB**

**FASA 1 : TENAGA NASIONAL BERHAD, INDAH WATER KONSORTIUM,
TELEKOM MALAYSIA BERHAD DAN SYARIKAT AIR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengenal pasti isu lebih bayaran pukal yang berlaku di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang masih dibayar sehingga kini. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku kehilangan wang awam sekiranya lebih bayaran gagal dikutip. Punca berlakunya isu ini adalah seperti berikut:

- 2.1 PTJ telah berpindah atau ditutup namun akaun pukal tidak dibatalkan/ditamatkan;
- 2.2 PTJ tidak menyemak laporan pukal bersama bil/ invois yang diterima selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7 Tahun 2018 Lampiran D: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Pukal.

3. Sehubungan itu, **task force secara berfasa** akan dilaksanakan untuk memastikan semua akaun pukal di PTJ yang aktif sah untuk dibayar. PTJ dimohon untuk mengesahkan dan mengemaskini maklumat setiap akaun pukal yang terlibat melalui pautan:

<https://docs.google.com/spreadsheets/d/1fPd4eQhFJNxEC6z9g8gQbmyjwrii5kOP/edit?usp=sharing&ouid=103853010540299721937&rtpof=true&sd=true>

Tatacara Pengisian Maklumat Pemurnian Data Akaun Pukal adalah seperti di **Lampiran A**.

4. PTJ perlu mengambil tindakan berikut sekiranya terdapat akaun pukal yang perlu ditamatkan iaitu:

4.1 **Menamatkan perkhidmatan dengan agensi pukal yang terlibat; seterusnya**

4.2 **Membatalkan akaun pukal di Sistem iGMAS menggunakan Borang Akaun Pukal - Batal Kew.310E setelah memastikan TIADA TUNGGAKAN BAYARAN PUKAL.**

5. PTJ hendaklah menyelesaikan *task force* ini sebelum atau pada **8 Ogos 2022 (Isnin)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

- i) Nur Azira binti Abd Rahman (Seksyen Operasi) di talian 06-289 5003
- ii) Nor Rashidah binti Kadam (Unit Dana) di talian 06-289 5086
- iii) Mohd Izwan bin Hamidon (Unit Dana) di talian 06-289 5072

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M),CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.

LAMPIRAN A

Tatacara Pengisian Maklumat Pemurnian Data Akaun Pukal

1. Memilih PTJ Pembayar bagi PTJ masing-masing pada **column H** pada **setiap agensi pukal yang terlibat**.
2. Menyemak setiap nombor akaun pukal yang aktif pada **column D** adalah sah milik PTJ.
3. Pastikan Kod Kumpulan PTJ dan PTJ Tanggung, Vot Dipertanggung dan Program/ Aktiviti pada **column H, I, J** dan **K** adalah tepat seperti yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal.
4. Mengisi **column Z** dengan alamat premis terkini bagi akaun pukal yang didaftarkan.
5. Mengemaskini **column AA** dengan **YA/ TIDAK** sama ada premis ini masih diduduki/ digunakan oleh PTJ.
6. Mengemaskini **column AB** dengan **AKTIF/ TIDAK** sama ada akaun pukal yang didaftarkan tersebut masih aktif atau tidak aktif (tidak digunakan/ berpindah).
7. Sekiranya **column AB** PTJ memilih **TIDAK**, **column AC, AD** dan **AE** hendaklah dikemaskini dengan:
 - 7.1 Bagi mengemaskini **column AC** dengan **YA**, PTJ hendaklah memastikan tindakan **penamatan perkhidmatan dengan agensi pukal yang terlibat**.
 - 7.2 Bagi mengemaskini **column AD** dengan **YA**, PTJ perlu menyemak dan memastikan **status borang akaun pukal adalah Batal** di Sistem iGFMAS.

7.3 Sila nyatakan tarikh tindakan akaun tidak aktif **selesai dibatalkan di column AE** dengan mengambil tindakan seperti perenggan 7.1 dan 7.2.

8. Mengemaskini **column AF** dengan **YA** sekiranya terdapat lebih bayaran pukal dan nyatakan amaun lebih tersebut pada **column AG** dengan menyemak **Laporan Terperinci Pembayaran Pukal** di Sistem iGFMS dengan bil yang diterima daripada Agensi Pukal.
9. Sekiranya terdapat **TUNGGAKAN** disebabkan PTJ tidak mengambil tindakan seperti **di perenggan 4.1 surat ini** terhadap akaun pukal yang **tidak aktif**, PTJ hendaklah berhubung terus dengan Agensi Pukal berkaitan.
10. Sila pastikan tuan **tidak delete** mana-mana *column* dan *row* dan pastikan tindakan hanya ke atas akaun pukal PTJ tuan sahaja.